

Parlimen

NASIONAL

Bangunan baharu ceriakan Parlimen

Bakal beroperasi Mac ini, ia diharap dapat tingkatkan kehadiran ahli Parlimen untuk mengikuti sidang Dewan Rakyat

KUALA LUMPUR

Bangunan Parlimen Fasa 3B yang dinaik taraf dan dibaik pulih sejak 2015 akan mula beroperasi pada Mac ini.

Bangunan berkenaan menempatkan ruang pejabat, perpustakaan, gimnasium, bilik sauna, bilik bin-cang, bilik mesyuarat, kafeteria dan surau.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof berkata, kemudahan itu diharap dapat mengoptimumkan prestasi kerja petugas, selain meningkatkan tahap kehadiran ahli Parlimen untuk mengikuti sesi persidangan Dewan Rakyat dan kualiti perbahasan.

"Harapan kita dengan wujudnya ruang yang disediakan ini, ramai Yang Berhormat ada di Parlimen dengan lebih kerap dan sepenuh masa konsisten mengikuti persidangan.

"Kalau mereka nak lakukan ria-dah selepas hadiri persidangan, ba-



MOHAMAD ARIFF



Bangunan Parlimen Fasa 3B yang dinaik taraf dan dibaik pulih sejak 2015 akan mula beroperasi pada Mac ini.

nyak tempat disediakan seperti gelanggang tenis, badminton, malah bilik sauna juga disediakan," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis penyerahan projek berkenaan di sini semalam.

Majlis penyerahan itu disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, Ir Kamaluddin Abdul Rashid

dan Ketua Pentadbir Parlimen, Datuk Kamis Samin.

Terdahulu, Mohamad Ariff berkata, Fasa 2C yang merupakan fasa terakhir dalam cadangan pelaksanaan kerja baik pulih dan naik taraf akan ditender tidak lama lagi.

Menurutnya, ia melibatkan Blok Menara, pembinaan balai pelawat,

tempat letak kereta bertingkat, lalu-an berbungku dan galeri awam.

"Dengan siapnya fasa terakhir nanti, jangka hayat bangunan dapat ditingkatkan lagi untuk tempoh 50 tahun akan datang, selain memulihara ciri-ciri bangunan warisan kebangsaan," kata Mohamad Ariff. - Bernama